

JABATAN KORPORAT DAN PERHUBUNGAN
ANTARABANGSA

TARIKH: 30.09.2022 MASA:10.30am

MUKTAMAD



MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI

TEKS UCAPAN

YBHG. DATO' AZHAR BIN HAJI ARSHAD
DATUK BANDAR SEBERANG PERAI

SEMPENA

PROGRAM DIGITAL@SEBERANG PERAI

OLEH

YANG BERTHORMAT TUAN JAGDEEP SINGH DEO A/L KARPAL
SINGH

**AHLI MAJLIS MESYUARAT KERAJAAN NEGERI PULAU PINANG
MERANGKAP PENERUSI JAWATANKUASA PERUMAHAN,
KERAJAAN TEMPATAN DAN PERANCANGAN BANDAR & DESA**

TARIKH / MASA / TEMPAT

**01 OKTOBER 2022 (SABTU)
10.00 PAGI**

**MYDIN MALL
JALAN BARU
BUKIT MERTA JAM**

Bismillahir Rahmanir Rahim

Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,
Selamat Pagi dan Salam Sejahtera,

Alhamdulillah, saya memanjatkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah S.W.T. kerana dengan izin dan limpah kurnia-Nya jua, diberikan kesempatan untuk kita bertemu dan berhimpun pada pagi yang barakah ini dalam Program Digital@Seberang Perai di Mydin Mall, Jalan Baru, Bukit Mertajam.

Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Yang Berhormat Tuan Jagdeep Singh Deo a/l Karpal Singh, Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Pulau Pinang merangkap Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan Dan Perancangan Bandar & Desa yang sudi hadir dan seterusnya merasmikan Program *Digital@SeberangPerai* pada pagi ini.

Saya mengalu-alukan kehadiran Yang Berhormat Puan Zabidah Binti Safar, Pegawai Kewangan Negeri; Yang Berbahagia Ts. Dr. Irwan Mahazir bin Ismail, Timbalan Pengarah Akademik, Pusat Teknologi Pengajaran dan Multimedia, Universiti Sains Malaysia; Pegawai-Pegawai Kanan Pejabat

Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang, Ahli-Ahli Majlis MBSP, Ketua-Ketua Jabatan dan Pegawai-Pegawai Kanan MBSP; para pegawai dan wakil-wakil Agensi-Agensi Kerajaan dan Swasta, wakil media serta semua warga kerja MBSP, tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

Yang Berhormat, Yang Berbahagia Dato', Tuan-Tuan Dan Puan-Puan Yang Dihormati Sekalian,

Dalam merealisasikan Seberang Perai Aspirasi Bandaraya Masa Hadapan iaitu *Smart Sustainable City*, selaras dengan wawasan Penang2030: "***A Family Focused Green and Smart State That Inspires the Nation***" (Penang2030: Negeri Pintar dan Hijau Berteraskan Keluarga Inspirasi Negara) dan *Sustainable Development Goals* (SDGs), MBSP telah melaksanakan pembaharuan institusi dalam penyampaian perkhidmatan bagi memperbanyakkan penggunaan teknologi digital dalam meningkatkan kualiti kehidupan rakyat. Sebanyak 25 inisiatif MBSP *Smart City* telah, sedang dan akan dilaksanakan untuk mencapai visi Bandaraya Pintar.

Selaras dengan agenda transformasi digital Negeri Pulau Pinang, penggunaan teknologi digital terus dipertingkatkan selaras dengan

perkembangan terkini serta keperluan yang mendesak dengan memperkenalkan pelbagai inisiatif digital khususnya bagi urusan tanpa tunai bagi memudahkan *stakeholder* atau pelanggan untuk berurusan dengan MBSP walau di mana dan pada bila-bila masa. MBSP sehingga ini telah menyediakan 100 perkhidmatan yang dapat dilaksanakan di atas talian.

Agenda Transformasi Digital MBSP diperluaskan dengan penggunaan Aplikasi “***Aspire Seberang Perai***” yang telah dirasmikan oleh Yang Berhormat Tuan Jagdeep Singh Deo a/l Karpal Singh pada 24 Mei 2022. Aplikasi ini merupakan satu kaedah yang sesuai untuk kekal berhubung dengan rakyat serta memperolehi hasil dengan cara konsisten. Aplikasi “***Aspire Seberang Perai***” merupakan aplikasi pintar yang dibangunkan mengikut spesifikasi serta kehendak MBSP melalui konsep perkongsian pintar bersama ejen kutipan pihak ketiga yang telah dilantik oleh MBSP. Aplikasi ini dibangunkan dengan ciri-ciri yang informatif, interaktif dan ianya diintegrasikan secara langsung dengan sistem dalaman MBSP. Antara komponen-komponen yang terdapat dalam “***Aspire Seberang Perai***” adalah:-

- a. Gerbang pembayaran (*payment gateway*) atas talian;
- b. Paparan *Personal Dashboard* Pengguna / Sejarah Transaksi;

- c. Sistem Ganjaran (*Reward*) kepada pengguna yang membuat transaksi pembayaran melalui "***Aspire Seberang Perai***" sama ada berbentuk cabutan bertuah, kupon baucer atau pengumpulan mata ganjaran.
- d. Diintegrasikan dengan sistem dalaman MBSP secara terkini;
- e. Paparan Informasi Eksplorasi Seberang Perai iaitu seperti lokasi tempat menarik, tempat makan, sejarah dan sebagainya,
- f. Sistem Robot untuk bertanyakan soalan-soalan berkaitan MBSP mengikut fasa,
- g. Paparan pelbagai pengumuman. Promosi serta ruangan iklan di dalam "***Aspire Seberang Perai***".

Usaha dalam Transformasi Digital MBSP telah menampakkan kejayaan dari tahun ke tahun dan mula diterima oleh rakyat Seberang Perai. Penggunaan perkhidmatan tanpa tunai MBSP telah meningkat daripada 57.62% dengan 346,572 transaksi dan jumlah kutipan sebanyak RM82,192,032.08 pada tahun 2020 kepada 72.91% dengan 414,617 transaksi dan jumlah kutipan sebanyak RM155,452,374.43 pada tahun 2021. Untuk sembilan bulan awal tahun ini pula, perkhidmatan tanpa tunai MBSP berada pada tahap 81.19% dengan 468,752 transaksi dan jumlah kutipan sebanyak RM185,468,45.88.

**Yang Berhormat, Yang Berbahagia Dato', Tuan-Tuan Dan Puan-Puan
Yang Dihormati Sekalian,**

Antara sistem-sistem yang dibina baru-baru ini termasuklah Sistem Pengurusan Lesen Interaktif dan Bersepadu (*Speedbiz*). MBSP telah berjaya melakukan satu transformasi dengan mendigitalkan proses permohonan lesen perniagaan secara dalam talian. Permohonan yang melalui website SpeedBiz (<https://speedbiz.mbsp.gov.my>), membolehkan permohonan lesen premis perniagaan dan iklan dibuat di atas talian dan pemohon boleh mencetak lesen mereka sendiri apabila diluluskan. SpeedBiz mencerminkan budaya kerja generasi baharu yang member manfaat 33,139 pemegang lesen premis perniagaan am dan industri di Seberang Perai.

Satu lagi perkhidmatan *online* adalah Sistem eAduan MBSP yang telah mula digunakan pada 12 Disember 2021. MBSP mempunyai enam (6) saluran aduan yang boleh diakses oleh kesemua stakeholders MBSP, iaitu Media Baru (MyMBSP App, eAduan, Aspire Seberang Perai dll), Internet (website MBSP), emel (aduan@mbsp.gov.my), telefon (MBSP Call Centre), faks dan surat. Kesemua aduan yang diterima ini akan diproses dalam satu sistem sahaja, iaitu Sistem eAduan MBSP. Sistem ini merupakan gabungan antara sistem konvensional dan sistem pemantauan pintar bagi

mempermudahkan dan melancarkan proses pengurusan aduan MBSP. Sistem eAduan MBSP merupakan sistem yang dilengkapi keupayaan *Artificial Intelligence* di mana aduan yang diterima daripada pengadu akan disalurkan secara terus kepada *Person-In-Charge* di lapangan. Hal ini dapat mengurangkan kebergantungan terhadap tenaga kerja dan tempoh masa pengurusan aduan dapat diminimumkan. Dari 1 Januari 2022 sehingga 31 Ogos 2022, MBSP telah menerima sebanyak 18,988 jumlah aduan.

MBSP akan terus komited untuk membawa perubahan kepada rakyat melalui *institutional reform* supaya semua rakyat Seberang Perai dapat menikmati faedahnya. MBSP juga komited untuk terus mara ke hadapan dalam usaha pembaharuan digital dan pintar seiring dengan penglibatan setiap lapisan masyarakat dan pihak industri selaras dengan harapan Penang2030 untuk menjadi sebuah Negeri Pintar yang menginspirasikan negara.

**Yang Berhormat, Yang Berbahagia Dato', Tuan-Tuan Dan Puan-Puan
Yang Dihormati Sekalian,**

Pada hari ini, MBSP menganjurkan semula Program *Digital@SeberangPerai* dalam usaha untuk meningkatkan pemahaman,

kesedaran dan penggunaan oleh warga Seberang Perai. *Digital@SeberangPerai* menjadi platform untuk membangunkan modal insan di kalangan penduduk Seberang Perai supaya mereka menjadi *smart people* yang boleh mengambil bahagian di dalam pembangunan bandar melalui input-input dan idea-idea yang membina serta menikmati pembangunan *smart city* di Pulau Pinang.

Digital@SeberangPerai adalah merupakan salah satu program Hari Bandaraya yang dilaksanakan oleh Jabatan Teknologi Informasi Dan Komunikasi MBSP. Program ini dilaksanakan oleh MBSP dengan kerjasama Kerajaan Negeri Pulau Pinang khususnya dengan sokongan Yang Berhormat Tuan Jagdeep Singh Deo, agensi kerajaan dan agensi swasta.

Program *Digital@SeberangPerai* mula diperkenalkan dan dilancarkan di Mydin Mall Bertam pada 5 Oktober 2019 yang melibatkan Jabatan-Jabatan Dalaman MBSP, Jabatan-Jabatan Negeri, Jabatan Pengangkutan Jalan, Pejabat Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP), Perbadanan Perpustakaan Awam Pulau Pinang, Jabatan Pendaftaran Negara Pulau Pinang (JPN), Agensi Swasta iaitu Cytron Technologies Sdn. Bhd. dan Wessteck Multimedia.

Program *Digital@SeberangPerai* kali kedua dilaksanakan secara maya (*virtual*) pada 09 Oktober 2021 disebabkan oleh penularan Covid-19 dengan penglibatan Agensi-Agensi Kerajaan iaitu Bahagian Kerajaan Tempatan Negeri Pulau Pinang, Pejabat Daerah Dan Tanah Seberang Perai Tengah, Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ), Lembaga Perumahan Negeri Pulau Pinang, dan Perbadanan Perpustakaan Awam Pulau Pinang (PPAPP) dengan menyediakan ruang-ruang pameran *virtual* atau *booth* perkhidmatan *online* mereka di dalam laman web *Digital@SeberangPerai*.

Orang ramai boleh melayari laman web tanpa hadir secara fizikal di Menara MBSP untuk mendapatkan maklumat dan berinteraksi dengan perkhidmatan dalam talian. Laman web ini juga menyediakan Sokongan Pelanggan (*Customer Support*) dalam bentuk *Chat Box* untuk memudahkan pengunjung yang melayari mana-mana bahagian perkhidmatan digital dalam laman web ini untuk berinteraksi dengan "*Person-In-Charge*" bagi mendapatkan maklum balas.

Program *Digital@SeberangPerai* pada tahun ini pula adalah program yang ketiga diadakan dan melibatkan penyertaan 12 Jabatan-Jabatan Dalaman MBSP, Agensi-Agensi Kerajaan dan Swasta, iaitu Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang, Perbadanan Perpustakaan Pulau Pinang, Universiti Sains Malaysia, Suruhanjaya Komunikasi dan

Multimedia Malaysia, Jabatan Akauntan Negera, Digital Penang, Pro Office Solutions Sdn. Bhd., Heitech Padu Berhad dan Happy Icon Sdn. Bhd.

**Yang Berhormat, Yang Berbahagia Dato', Tuan-Tuan Dan Puan-Puan
Yang Dihormati Sekalian,**

Program *Digital@SeberangPerai* terbuka kepada semua warga Malaysia dan memberi pendedahan kepada individu, komuniti atau penduduk Seberang Perai dan juga Pulau Pinang secara amnya, serta memperkenalkan perkhidmatan-perkhidmatan digital dan *online* dalam penyampaian pelbagai perkhidmatan yang terdapat di MBSP dan agensi-agensi kerajaan di Pulau Pinang, mahupun swasta. Jabatan-Jabatan MBSP yang berkaitan dan agensi-agensi kerajaan menyediakan kiosk atau *booth* pameran untuk mempamerkan perkhidmatan yang disediakan.

Saya amat mengalu-alukan kehadiran tuan-tuan dan puan-puan ke Program *Digital@SeberangPerai*. Lawatilah booth-booth yang mempamerkan pelbagai perkhidmatan digital dan transaksi online yang disediakan oleh MBSP, Agensi-Agensi Kerajaan dan Swasta. Pengunjung juga berpeluang untuk menyertai dan memenangi cabutan bertuah pada hari ini. Di samping itu, tahun ini MBSP menyediakan ruang untuk

mempamerkan dan menjual produk-produk *upcycle* yang dihasilkan oleh Wira-Wira Oren MBSP. Pembayaran pembelian produk-produk *upcycle* ini boleh dibuat secara online.

Saya amat berharap agar program hari ini dapat mewujudkan kesedaran berhubung kemudahan perkhidmatan digital sedia ada dan kaedah penggunaan untuk kemudahan bersama.

**Yang Berhormat, Yang Berbahagia Dato', Tuan-Tuan Dan Puan-Puan
Yang Dihormati Sekalian,**

Sebelum saya mengakhiri kata-kata, terima kasih saya ucapkan kepada semua yang bertungkus lumus menjayakan Program *Digital@SeberangPerai* dengan kerjasama pelbagai agensi kerajaan dan swasta. Saya juga ingin mengucapkan terima kasih atas sokongan Kerajaan Negeri Pulau Pinang dan Warga Seberang Perai terhadap MBSP selama ini. MBSP juga akan sentiasa menyokong Kerajaan Negeri Pulau Pinang dan meletakkan kehendak masyarakat di hadapan bagi memakmurkan bumi Seberang Perai. Jadikan cabaran pemangkin semangat untuk kita terus berjuang menjadikan “*Seberang Perai Aspiring City of Tomorrow*” atau “Seberang Perai Aspirasi Bandar Masa Hadapan”.

Sekian, Terima Kasih.

Wabillahi Taufik Wal Hidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi

Wabarakatuh